
Nestlé Kekalkan Pertumbuhan Positif

Sorotan Penting

- Perolehan naik 3.1% kepada RM2.74 bilion pada separuh pertama 2018, dipacu oleh jualan domestik dan perniagaan eksport.
- Pertumbuhan domestik dipacu oleh jualan kukuh semasa musim perayaan pada separuh pertama 2018.
- Untung Operasi lebih tinggi berjumlah RM527 juta pada separuh pertama 2018.
- Isytiharkan dividen interim bersih RM0.70 sesaham.
- Membuka Pusat Pengedaran Kebangsaan Nestlé yang canggih dan terbesar di Asia.

PETALING JAYA, 14 Ogos 2018 – Nestlé (Malaysia) Berhad mengekalkan momentum pertumbuhannya **yang positif** dengan mencatatkan prestasi lebih memberangsangkan untuk tempoh enam bulan pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.

Tinjauan prestasi: Tahun Sehingga Kini, 2018 berbanding Tahun Sehingga Tarikh Sama, 2017

Bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2018, Kumpulan mencatatkan Perolehan RM2.74 bilion, iaitu peningkatan 3.1% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Prestasi lebih baik ini disokong oleh jualan domestik lebih tinggi terutamanya pada musim perayaan, di samping pertumbuhan perniagaan eksport kami.

“Kami terus memastikan usaha inovasi kukuh, termasuk MAGGI Pedas Giler dan juga KIT KAT Green Tea, NESTUM Kurma & Prun dan pembukaan NESPRESSO

Boutique di Gardens Mall, Mid Valley City. Model produk dan perniagaan baharu ini membolehkan kami membina asas kukuh untuk mencapai pertumbuhan pada separuh kedua tahun.”

“Selaras dengan strategi jangka panjang kami untuk ‘Menjana Pertumbuhan’, kami juga yakin bahawa pelaburan kami, termasuk Pusat Pengedaran Kebangsaan (NDC) Nestlé baru yang terbesar di Asia, akan membolehkan kami mengekalkan pertumbuhan kukuh kami,” kata En. Hofbauer.

Prestasi positif Kumpulan menyaksikan Untung Kasar meningkat kepada RM1.06 bilion manakala Untung Operasi naik kepada RM527 juta. Ini dicapai walaupun dengan perbelanjaan sekali yang ditanggung untuk pelaburan Kumpulan dalam NDC baru yang dijangka menyumbang kepada pertumbuhan masa depan. Untung Selepas Cukai meningkat kepada RM397 juta, mencerminkan prestasi untung bersih yang memuaskan memandangkan prestasi kukuh pada separuh pertama tahun kewangan lepas.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk menambah nilai pemegang saham, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim bersih sebanyak RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Penilaian prestasi: Suku 2, 2018 berbanding Suku 2, 2017

Bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2018, Kumpulan mencatatkan Perolehan lebih tinggi sebanyak RM1.31 bilion. Ini merupakan peningkatan 2% daripada RM1.28 bilion yang dilaporkan pada suku tahun yang sama tahun lepas.

Menurut En Hofbauer, “Pelancaran produk baharu serta promosi pengguna dan perdagangan kukuh adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan hasil kami. Ini disokong selanjutnya oleh tahap jualan lebih tinggi pada bulan Jun.”

“Pada suku tahun yang dilaporkan, kami juga memulakan operasi di NDC baru kami, yang terbesar bagi Nestlé di Asia. Langkah berpindah dari NDC sedia ada ke NDC baru telah menghasilkan peralihan dalam jualan dari Jun (S2) ke Julai (S3) kerana

naik taraf operasi yang diperlukan dan dirancang di NDC baru ini. Kami yakin bahawa pusat pengedaran baru yang canggih dengan kapasiti yang lebih tinggi akan menyokong perkembangan perniagaan dan memenuhi permintaan pengguna yang semakin bertambah di samping menyokong pertumbuhan pesat pada tahun-tahun akan datang.”

Untung Kasar bagi suku tahun yang dilaporkan meningkat kepada RM496 juta. Perbelanjaan Operasi bertambah sedikit khususnya disebabkan oleh kos permulaan NDC. Namun begitu, Untung Sebelum Cukai meningkat kepada RM214 juta manakala Untung Selepas Cukai mencecah RM166 juta.

Prospek

“Berasaskan tinjauan tahun yang lebih positif bagi ekonomi Malaysia, kami yakin bahawa pelaburan kami, pacuan inovasi dan portfolio jenama yang kukuh akan membolehkan kami mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh. Sejajar dengan itu, kami akan terus meningkatkan kecekapan di seluruh rantaian bekalan dan melaburkan semula penjimatan demi mencapai pertumbuhan mampan,” rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad
(+603) 7965 6650
+6012-353 1337
E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Tel:

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acorntco.com.my